

NO. SOALAN : 1

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

SOALAN NO : 1

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek naik taraf Jalan Telaga-Bongkol. Bilakah tawaran kerja akan dibuat dan jangkaan kerja-kerja dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Telaga, Sabah telah diluluskan dalam RMK11 RP4 Tahun 2019, dengan kos sebanyak RM66.0juta. Skop projek melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sepanjang 10km spesifikasi JKR R2 dan sebuah jambatan. Status terkini projek masih di peringkat ukur tanah dan rekabentuk. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mac 2020.